

Tuan Namazie Menjawab Rencana Pengarang Qalam

Ini ialah surat Tuan Muhammad Javad Namazie menjawab rencana Pengarang Qalam keluaran bulan

September 1962 yang lalu.

Tuan Haji Muhammad Javad ialah anggota Majlis Penasihat Islam Singapura dan

juga seorang peguam yang terkenal. Surat beliau ini kita siarkan dengan sepenuhnya seperti berikut:

Kepada Pengarang majalah Qalam Singapura.

Terima kasih atas ihsan tuan mengirinkan saya senaskhah majalah bulanan tuan keluaran bulan September. Saya telah baca lidah Pengarang tuan yang bertajuk *Majlis Penasihat Islam Singapura*. Oleh kerana begitu banyak terbabas dencana¹ pengarang itu maka terpaksa rasanya saya menulis surat ini dengan harapan tuan menyiarkan dalam majalah tuan bilangan hadapan.

Tuan melangkah dengan menyatakan bahawa Majlis (Lembaga) Penasihat Islam Singapura telah ditubuhkan sesudah Perang Dunia yang kedua dalam masa Singapura masih di bawah pemerintahan tentera lagi. Kenyataan itu salah. Pemerintahan tentera British di Singapura tamat pada 31 haribulan Mac 1946. Lembaga Penasihat Islam kerajaan Singapura ditubuhkan semula dalam bulan September 1947 dan julung-julung persidangan telah dilangsungkan di bangunan Pejabat Kerajaan pada awal bulan Oktober 1947 dan dibuka oleh Tuan H. P. Bryson, pemangku *Colonial Secretary*, dengan suatu ucapan pendek dalam bahasa Melayu. Beliau menyatakan Lembaga itu ialah sebuah badan yang bukan rasmi dan dipilih oleh mereka itu sendiri. Dato' Syed Ibrahim Alsagoff telah dipilih menjadi Pengerusi manakala Haji

Sanusi bin Haji Mahmud dengan saya menjadi julung-julung Setiausaha yang bersekutu.

Sesungguhnya benar bahawa anggota-anggotanya dahulu dilantik oleh Tuan Gabenor dan sekarang dilantik oleh Yang Dipertuan Negara. Adapun tujuan kerajaan dahulu dan saya fikir sekarang demikian juga ialah mengadakan sebuah badan orang Islam dalam Lembaga itu yang mewakili bukannya sahaja orang-orang Islam daripada berbagai-bagai bangsa seperti Melayu, Arab, India dan Pakistan bahkan juga orang-orang Islam daripada berbagai-bagai mazhab. Orang-orang mazhab Shāfi'ī dalam Lembaga itu memang mengatasi bilangan dalam anggota-anggotanya tetapi mustahaklah juga ada orang-orang mazhab Hanafi dalam Lembaga itu. Saya anggap lantikan saya dalam Lembaga itu ialah seorang wakil mazhab *al-Ithnā 'Asharī*. Mustahak juga lembaga itu mengandungi orang-orang alim dalam persoalan agama Islam. Syed Abdullah Bilfaqih, Maulana Idris Gauhari, almarhum Kiyai Abu Bakar 'Ashiq, Kadi Besar dahulu, Haji Ali bin Haji Muhammad Said dan Kiyai Haji Yunus bin Abdul Majid ialah anggota-anggota yang sangat-sangat dihormati kerana ilmu pengetahuan mereka itu dalam persoalan agama Islam.

Memandang kepada kehendak-kehendak yang tersebut tidaklah begitu lapang medannya untuk Gabenor melantik anggota-anggotanya. Dalam

¹ Perkataan sebenar ialah rencana

pada itupun sudah dinyatakan dengan terang bahawa bagaimana tersebut namanya. Lembaga itu sebuah badan penasihat jua.

Tuan menyatakan bahawa Lembaga itu seolah-olahnya suatu cawangan daripada kerajaan kerana ahli-ahli yang menjadi ahli di dalam Majlis itu dilantik pula orang-orang kerajaan yang ada berkenaan dengan perkara-perkara agama yang diselenggarakan oleh kerajaan. Pertama – Lembaga itu sebenarnya bukan suatu cawangan kerajaan. Kedua – ahli-ahli Lembaga itu tiada melantik orang-orang kakitangan kerajaan yang berhubung dengan perkara-perkara agama yang diselenggarakan oleh kerajaan. Adalah saya seorang anggota Lembaga itu semenjak ditubuhkan semula dalam tahun 1947 dan sesungguhnya tidak pernah kami anggota-anggota Lembaga itu mengesyorkan sesiapa jua patut dilantik menjadi anggota. Kami tiada kena-mengena dengan soal lantikan. Lantikan anggota Lembaga itu dilaksanakan oleh kerajaan dengan syor Suruhanjaya Perkhidmatan Raya. Kami harus ada mengesyorkan patut dilantik seorang kadi yang meninggal dunia ataupun menasihatkan kerajaan tentang munasabahnyanya si anu menjadi kadi.

Peguam Agung kerajaan telah menjadi anggota Lembaga itu lama sebelum beliau menyandang jawatan kerajaan. Beliau mula-mula sekali dilantik dalam tahun 1947. Sebenarnya apabila diadakan undi pilihan julung-julung Pengerusi Lembaga itu beliau telah mendapat sama banyak bilangan undi dengan Dato' Syed Ibrahim Alsagoff dan sesudah diundi semula baharulah Dato' Syed Ibrahim Alsagoff terpilih sebagai rakan sejawatnya dalam Lembaga itu semenjak 15 tahun yang lampau boleh benar saya menyatakan dengan tiada ragu-ragu bahawa khidmat beliau kepada Lembaga itu dan khidmatnya atas maslahat Islam dan Muslimin di Singapura tiadalah ternilai harganya dan tiadalah tolok bandingnya dalam Singapura ini. Apabila sesuatu masalah agama hendak diperbincangkan tiadalah dikehendaki

dan tiadalah lazim diambil fatwa alim ulama sebelum dibahas dan masalah itu diputuskan. Inilah sebabnya mengapa orang-orang seumpama Yang Dipertua Mahkamah Syariah yang sememangnya sudah menjadi ahli Lembaga sebelum beliau menjadi Yang Dipertua Mahkamah Syariah patut menjadi seorang anggotanya.

Adakah tuan berperasaan bahawa seseorang Islam sama ada ia kakitangan kerajaan ataupun bukan tergamak melakukan sesuatu yang harus merosakkan agamanya. Mengapa pula ia seyogianya melakukan demikian? Lembaga itu tersusun daripada 20 orang anggota maka bolehkah seorang dua ataupun tiga orang mengatasi pendapat-pendapat sekalian anggota yang lain. Apakah sebabnya yang boleh mendorong anggota-anggota Lembaga yang bukan kakitangan kerajaan dan tiada mengharapkan jawatan kerajaan itu menyokong sesuatu keputusan yang bertentangan dengan hukum syarak Islam? Manakan ada dan sebenarnya mereka tiada tergamak membuat demikian. Jika sekiranya mereka menyokong sesuatu keputusan ialah semata-mata kerana sama ada mereka yakin bahawa keputusan itu adalah mengikut hukum Islam ataupun atas maslahat orang Islam amnya.

Tuan membuat suatu kenyataan kononnya "peraturan-peraturan yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah tergamak dikatakan bertentangan dengan ajaran Islam." Apakah peraturan-peraturan yang tuan maksudkan itu? Tuan tidak pula menerangkannya. Saya tiada tau akan wujud sesuatu peraturan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Takkan ada sedemikian itu. Undang-undang Islam 1957 yang menubuhkan Mahkamah Syariah nyata menunjukkan kuatkuasa-kuatkuasanya dan tiada sesuatu dalam undang-undang itu yang boleh disifatkan bertentangan dengan ajaran Islam. Jika sekiranya ada sepatutnyalah tuan mengisytiharkannya dan mendesak supaya dimansuhkan fasal itu.

Entah jika tuan maksudkan kuat kuasa yang diberi hanya kepada Kadi Besar tentang akad nikahkan

Almarhum *Faḍīlat al-Ustādh al-Sayyid Abdullah Bilfaqih*

Dengan sedihnya diberitakan, bintang agama yang bersinar-sinar cahayanya, *Faḍīlat al-Ustādh al-Sayyid Abdullah bin Syeikh Bilfaqih* telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā pada pagi hari Ahad 29 Jamādī al-Awwal 1382, (28 Oktober 1962), di rumahnya di Gray Lane, Singapura, dalam usia kira-kira 65 tahun.

Almarhum seorang alim yang luas ilmunya. Beratus-ratus murid-muridnya di negeri ini meliputi guru-guru sekolah agama sentiasa memenuhi rumahnya siang malam.

Selain daripada menjadi Guru Besar Madrasah Aljunied al-Islamiah, beliau juga seorang anggota Majlis Penasihat Islam yang berjasa.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan dihimpunkan rohnya di dalam syurga *Jannah al-Na‘īm*, serta diberi sabar kepada kaum keluarganya dan sekalian murid-murid dan sahabat kenalannya.

orang yang sedia beristeri. Sekiranya demikian saya mengesyorkan tuan baca dengan teliti seksyen (3) 1A Undang-undang Islam terutama sekali dua barisan yang akhir iaitu “Jika sekiranya tiada sesuatu halangan syarie mengikut hukum syarak Islam kepada sesuatu perkahwinan”. Jika sesiapa yang memohon tiada puas hati dengan keputusan Mahkamah Syariah dan jika ia masih tiada puas hati dengan keputusan Mahkamah Syariah maka bolehlah ia merayu kepada Lembaga Rayuan. Tiada seorang pun yang sunyi daripada khilaf. Jika Kadi Besar terkhilaf – dengan ini tidak pula saya berkata beliau sudah terkhilaf – maka Mahkamah Syariah boleh membetulkan kekhilafannya. Jika tiada sesuatu rayuan atas keputusan Kadi Besar maka patutlah dipandang bahawa mereka yang bersangkutan paut dengan hal itu tiada mempunyai apa-apa alasan untuk merayu atas keputusan itu. Benarkanlah saya menyebut bahawasanya pertubuhan Mahkamah Syariah itu suatu langkah

kemajuan besar dan sesungguhnya wajib tiap-tiap orang Islam apatah lagi seorang pengarang sebuah majalah yang tersebar luas seperti majalah “Qalam” tuan ini mempertahankan makam dan kehormatan Mahkamah Syariah itu dan janganlah dengan kesamaran dan sendirian mendatangkan serangan kononnya peraturan-peraturan Mahkamah Syariah itu bertentangan dengan hukum syarak Islam.

Tuan berkata Mufti Johor pernah menyatakan bahawa perkara-perkara peraturan nikah kahwin di Singapura tidak salahnya menurut fahamnya seperti peraturan-peraturan yang dijalankan di dalam nikah kahwin orang-orang Kristian. Adakah kenyataan tuan itu benar? Adakah Mufti Johor menyatakan demikian itu? Tak masuk pada fikiran saya Mufti Johor boleh membuat suatu kenyataan yang tuan katakan tadi dengan tiada memeriksa baik-baik akan undang-undang yang berhubung dengan perkahwinan orang-orang Islam di Singapura. Jikalau diperiksanya baik-baik akan hakikatnya tidak sekali-kali beliau boleh berkata begitu. Sepanjang pengetahuan dan kepercayaan

saya tidak ada kenyataan yang sedemikian itu disebut oleh Mufti Johor.

Bukan tugas Lembaga Penasihat Islam memberi fatwa. Itu tugas seorang mufti. Malangnya tiada seorang mufti hingga hari ini dilantik meskipun Lembaga dengan beberapa kali mencuba supaya terlantik seorang mufti. Saya ingat U-Sardon bin Haji Jubir ketika beliau menjadi anggota lembaga ada mengemukakan perkara lantikan seorang mufti dahulu. Tetapi kerajaan menyahut dengan alasan belum ada seorang munasabah untuk jawatan itu yang boleh didapati.

Ulama adalah umpama darah dalam tubuh sesuatu umat. Mereka memberi kecergasan dan semangat. Apabila ada sesuatu kekotoran dalam darah timbullah penyakit. Dari itu jika dikehendaki tubuh badan orang-orang Islam terpelihara sihat dan cergas hendaklah ulamanya daripada orang-orang yang bukannya sahaja berpengetahuan bahkan juga mereka yang luas pandangan dan maslahat orang Islam itulah dasar yang diutamakan. Tidak mudah didapati di Singapura ulama seumpama itu yang bermakam tinggi, pakar mahir berpengalaman dalam hal ehwal dunia.

Saya bersetuju bahawa lantikan anggota-anggota itu hendaklah dijalankan dengan cermat dan sentiasa ada dalam ingatan tentang mustahaknya tersusun anggota-anggota Lembaga itu daripada:

- (1) Orang-orang Islam Melayu, Arab, India, dan Pakistan.
- (2) Orang-orang Islam daripada berbagai-bagai mazhab.
- (3) Ulama Islam.
- (4) Orang-orang Islam daripada kakitangan kerajaan yang terpendang tinggi kerana itu sangat berharga untuk menyampaikan kepada kerajaan dari orang dalam kerajaan sendiri akan perasaan dan pendapat orang-orang Islam dalam sesuatu perkara.

Bukanlah maksud saya memuji-muji usaha Lembaga Penasihat Islam kerajaan Singapura semenjak

ditubuhkannya semula. Tetapi sebagai seorang anggotanya semenjak tahun 1947 tidaklah harus rasanya jika saya tidak menyebut jasa anggota-anggotanya dahulu dan sekarang, setengahnya sudah meninggal dunia dan setengahnya tidak lagi menjadi anggotanya, iaitu jasa khidmat sukarela dengan tiada berhabuan dan adakalanya mengambil masa berjam-jam memikirkan perkara-perkara yang kerajaan dan orang-orang Islam di Singapura berkehendakkan nasihat mereka itu.

Demikianlah dengan harapan tuan menyiarkan surat ini sepenuh-penuhnya *wa al-salām*.

Muhammad Javad Namazie

(M. J. Namazie)

Singapura 17 Oktober 1962.



Tafsir *al-Qur'ān al-Karīm*

Untuk mengetahui kandungan *al-Qur'ān al-Karīm* dengan lebih jelas dan mendalam, seyogianya berpandu kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar dan menjadi pegangan.

Dalam bahasa Arab sendiri – bahasa *al-Qur'ān* – telah disusun kitab-kitab tafsir yang menghuraikan kandungan *al-Qur'ān* satu persatu oleh alim ulama yang kebilangannya.

Berdasarkan kitab-kitab tafsir yang muktabar inilah, *al-Ustādh* Ahmad Sonhadji Mohamad, guru di Madrasah Aljunied al-Islamiah, Singapura, menyusun sebuah buku tafsir dalam bahasa kebangsaan kita, bahasa Melayu, dengan berpenggal-penggal bernama: ((*Tafsir al-Qur'ān al-Karīm*)).

Penggalnya yang keempat baharu terbit, dimulai dari sūrat ((*Ali-'Imrān*)). Bentuknya indah dan menarik, huraianannya jelas.

Tebalnya 198 muka, kertas putih halus. Harganya \$2.50 sepenggal.

Atas hadiahnya yang berharga ini, diucapkan berbilang-banyak terima kasih.